

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KESEBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**TARIKH : 18 Jun 2007**

**SOALAN**

Y.B. Dr. Mohamed Hayati bin Othman minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :- (a) jumlah pusat perlindungan kanak-kanak dan wanita seluruh negara serta jumlah penghuni yang dilindungi; dan (b) jumlah pelatih yang keluar dari pusat ini dan selamat dalam masyarakat, menjadi manusia yang baik dan peratus yang masuk semula.

## **JAWAPAN**

(a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita telah menyediakan beberapa pusat perlindungan untuk kanak-kanak dan wanita. (i) Pusat Perlindungan Untuk Kanak-kanak Antara pusat perlindungan untuk kanak-kanak ialah Rumah Kanak-Kanak dan Taman Seri Puteri. 1. Rumah Kanak-kanak Rumah Kanak-Kanak disediakan bertujuan untuk memberi perlindungan dan pemeliharaan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik seperti kanak-kanak terabai, teraniaya, didera, terbuang, kehilangan penjaga dan lain-lain mengikut Akta Kanak-kanak 2001. Kementerian kini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sedang menguruskan 9 (sembilan) buah Rumah Kanak-Kanak iaitu: i) Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah, Kuala Lumpur; ii) Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz, Perak; iii) Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti, Kepala Batas, Pulau Pinang; iv) Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang; v) Rumah Kanak-Kanak Kuching, Sarawak; vi) Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu, Sabah; vii) Rumah Kanak-Kanak Arau, Perlis; viii) Rumah Budak Laki-laki Tun Abdul Aziz, Melaka; dan ix) Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor. Sehingga Mei 2007, jumlah penghuni yang dilindungi adalah seramai 1032 orang. 2. Taman Seri Puteri Taman Seri Puteri adalah institusi yang ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Kanak-kanak 2001 untuk perlindungan dan pemulihan bagi kanak-kanak perempuan yang berumur 18 tahun ke bawah seperti berikut: (a) mereka yang terdedah kepada bahaya moral (b) mereka yang melibatkan diri / terlibat dengan pelacuran. Sehingga kini terdapat 6 (enam) buah Taman Seri Puteri iaitu: i) Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak; ii) Taman Seri Puteri Cheras, Kuala Lumpur; iii) Taman Seri Puteri Rembau, Negeri Sembilan; iv) Taman Seri Puteri Miri, Sarawak; v) Taman Seri Puteri Kuching, Sarawak; dan vi) Taman Seri Puteri Kota Kinabalu, Sabah. Jumlah penghuni yang dilindungi sehingga Mei 2007 adalah seramai 112 orang. (ii) Pusat Perlindungan untuk wanita Terdapat beberapa pusat perlindungan untuk wanita bagi kes-kes seperti keganasan rumah tangga. Antara pusat perlindungan yang dikendalikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah : 1. Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak; 2. Taman Seri Puteri Cheras, Kuala Lumpur; 3. Taman Seri Puteri Rembau, Negeri Sembilan; 4. Taman Seri Puteri Miri, Sarawak; 5. Taman Seri Puteri Kuching, Sarawak; 6. Taman Seri Puteri Kota Kinabalu, Sabah; 7. Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah; 8. Rumah Seri Kenangan Tanjung Rambutan, Perak; 9. Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor; 10. Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Baru, Selangor; 11. Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah, Seremban, Negeri Sembilan; 12. Rumah Seri Kenangan Seremban, Negeri Sembilan; 13. Rumah seri Kenangan Cheng, Melaka; 14. Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor; 15. Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor; 16. Taman Sinar Harapan Jubli, Johor; 17. Rumah Ehsan, Dungun, Terengganu; 18. Pusat Jagaan Harian Warga Tua, Kg Paya Rawa, Besut, Terengganu; 19. Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin Pengkalan Chepa, Kelantan; 20. Desa Bina Diri Jerantut, Pahang; 21. Rumah Seri Kenangan Kuching, Sarawak; 22. Rumah Seri Kenangan Sibu, Sarawak; 23. Rumah Warga Tua Sri Harapan, Sandakan; 24. Rumah Warga Tua Air Panas, Tawau; b) JKMM memberi perlindungan bagi tempoh tiga tahun atau mencapai umur 18 tahun kepada kanak-kanak yang memerlukan perlindungan mengikut peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001. i. Jumlah pelatih yang keluar dari Rumah Kanak-Kanak adalah: Tahun Jumlah pelatih 2003 471 2004 461 2005 480 2006 583 ii. Jumlah pelatih yang keluar dari Taman Seri Puteri adalah: Tahun Jumlah pelatih 2003 118 2004 181 2005 55 2006 269 Pelatih-pelatih yang dikeluarkan mulai 2003 hingga kini tidak ada yang dimasukkan semula ke institusi. Bekas pelatih diletakkan di dalam seliaan lanjutan selama satu tahun selepas dikeluarkan untuk membantu mereka menyesuaikan diri dan diintegrasikan semula dalam masyarakat. Secara umumnya jagaan lanjutan selama setahun adalah satu tempoh bagi menilai kejayaan atau kegagalan program pemulihan yang dilakukan terhadap bekas pelatih itu. Memandangkan dari tahun 2003 hingga 2006 tidak ada bekas pelatih yang dimasukkan semula ke institusi, program pemulihan dianggap telah berjaya.

